

MEMBUDAYAKAN CARA MEMBUAT KEPUTUSAN BERTERASKAN MAQASID SYARIAH DALAM PENGURUSAN ORGANISASI ISLAM

Tuan Sidek T.M. & Ismail

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia.

E-mail: sidek@ump.edu.my

ABSTRAK

Membuat keputusan adalah suatu perkara yang penting dalam pengurusan organisasi termasuklah dalam pengurusan organisasi Islam. Proses membuat keputusan berlaku pada pelbagai peringkat pengurusan. Keputusan yang baik akan menjadikan urusan sesebuah institusi berjalan dengan lancar, manfaatnya dirasakan oleh pelbagai pihak, mengurangkan konflik serta menghasilkan pengurusan yang lebih efektif. Sehubungan dengan itu, tulisan berbentuk konsep yang bertajuk Membudaya Cara Membuat Keputusan Berteraskan Maqasid Syariah dalam Pengurusan Organisasi Islam ditulis untuk mencadangkan usaha membudayakan cara membuat keputusan berpandukan kepada penghayatan terhadap konsep dan aplikasi maqasid syariah. Tulisan ini menjelaskan konsep dan aplikasi maqasid syariah dan kesesuaiannya dalam membantu pihak yang terlibat dalam pengurusan Islam untuk membudayakan cara membuat keputusan berasaskan maqasid syariah. Semoga tulisan ini dapat membantu mempromosi kaedah berfikir dan membuat keputusan berpandukan salah satu khazanah intelektual Islam di samping dapat membantu pengurusan organisasi Islam menjadi bertambah baik dan kekal bersesuaian dengan perubahan zaman.

Kata Kunci: Maqasid Syariah, Membuat Keputusan, Pengurusan, Organisasi, Islam.

ABSTRACT

Decision making is an important matter in the management of the organization including the management of Islamic organizations. The decision-making process takes place at various levels of management. A good decision will make the affairs of an institution run smoothly, the benefits are felt by various parties, reduce conflict and produce more effective management. Thus, a conceptual article entitled Cultivating Method of Decision-making Based on Maqasid Syariah in Islamic Organizational Management was written to suggest efforts to cultivate a decision making based on contemplating the concept and application of maqasid syariah. This article explains the concept and application of maqasid syariah and its suitability in helping parties involved in Islamic management to cultivate a way of making decisions based on maqasid syariah. Hopefully this article can help promote the method of thinking and decision making based on one of the treasures of Islamic intellectuals as well as helping the management of Islamic organizations to improve and remain in line with the changing times.

Keywords: Maqasid Syariah, Decision Making, Management, Organization, Islam.

PENDAHULUAN

Islam datang membawa rahmat kepada kehidupan. Ajarannya syumul merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Firman Allah SWT:

(Al-Nahl 16: 89) ^٨وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: Dan Kami turunkan kepadamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan bagi orang-orang Islam.

Syumul dan rahmat Islam dapat dilihat melalui pelbagai panduan dan hukum hakamnya yang merentasi pelbagai bidang dan aktiviti kehidupan. Matlamat pelbagai panduan dan hukum hakam itu adalah untuk menjaga *maslahah* (kebaikan) kehidupan manusia dunia dan akhirat. *Maslahah* manusia yang dijaga oleh Islam bersifat inklusif dan holistik merangkumi individu, masyarakat, negara, dunia dan alam. Setiap tindakan dan perbuatan manusia tidak terkeluar daripada lima hukum iaitu sama ada wajib, sunat, harus, makruh atau haram. Perbuatan yang wajib, sunat dan harus mengandungi *maslahah*, manakala makruh dan haram mengandungi *mafsadah*. Allah mewajibkan manusia melakukan sesuatu perbuatan kerana terdapat *maslahah* yang besar daripada perbuatan tersebut untuk kehidupan mereka dunia dan akhirat. Begitulah juga sebaliknya Allah mengharamkan suatu perkara kerana perkara tersebut boleh mendatangkan kemudaratan kepada mereka.

Ulama Islam sejak dahulu telah membincangkan konsep *maslahah* sebagai matlamat daripada pensyariatkan hukum syarak. Perbincangan ini dikenali sebagai ilmu maqasid syariah iaitu ilmu yang memfokuskan perbincangannya tentang matlamat pensyariatkan. Secara umum, matlamat pensyariatkan adalah untuk mendatangkan kebaikan dan menolak kemudaratan (*jalb al-masalih wa dar' al-mafasid*) untuk kehidupan manusia dunia dan akhirat¹. Perbincangan maqasid syariah pada kebiasaannya dikaitkan dengan penetapan hukum fiqh. Walau bagaimanapun, menepati ajaran Islam yang bersifat syumul, terdapat beberapa penulisan yang cuba meluaskan perbincangannya merentasi pelbagai bidang kehidupan termasuklah dalam pengurusan dan pentadbiran. Beberapa tulisan telah membincangkan peranan dan penggunaan maqasid syariah dalam bidang pengurusan dan pentadbiran sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti buku yang bertajuk Negara Masalahah: Pemikiran al-Ghazali dan Konteks Politik Malaysia oleh Alies Anor Abdul² dan buku yang ditulis oleh Aidit, Ahmad Syahir & Mohd Afendi bertajuk Membuat Keputusan Kaedah Islam³. Terdapat juga beberapa artikel seperti artikel bertajuk *Maqasid al-Shariah in the Governance and Management Strategy of Islamic Tourism, Model of Islamic Wealth Management Based on Maqasid al-Shariah*⁴ dan lain-lain. Tulisan-tulisan di atas menyentuh tentang penggunaan maqasid syariah dalam pengurusan dan pentadbiran dalam

¹ Pelbagai ulama telah menjelaskan bahawa maqasid syariah adalah untuk mendatangkan *maslahah* dan menolak *mafsadah* dunia dan akhirat. Lihat Tuan Sidek & Ridzwan, "Kedudukan Nas (al-Quran dan Hadis) dalam Pengukuran Maqasid al-Sharia'ah: Analisis Pandangan Beberapa Ulama Terpilih", dlm., Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusof & Muhamad Alihanafiah Norasid, *Quranic Research* (Kuala Lumpur: Centre of Islamic Research, 2016), 278-285.

² Alies Anor Abdul, *Negara Masalahah: Pemikiran al-Ghazali dan Konteks Politik Malaysia* (Kuala Lumpur: Firdaus Press, 2016).

³ Aidit Ghazali, Ahmad Syahir Sarani & Mohd Afendi Othman, *Membuat Keputusan Kaedah Islam* (Shah Alam, Institut Perkembangan Minda, 2014).

⁴ Isma Swadjaja, Tjiptohadi Sawarjuwono & Unti Ludigdo (2019) Model of Islamic Wealth Management Based on Maqasid al-Shariah, *Journal of Innovation in Business and Economics* Vol. 03 No. 02, Page 63-72.

bidang-bidang yang mereka bincangkan. Manakala tulisan ini pula memfokuskan perbincangan maqasid syariah dari sudut pembudayaan penggunaannya dalam membantu membuat keputusan (*decision making*) dalam pengurusan organisasi Islam.

DEFINISI MAQASID SYARIAH

Dari sudut bahasa, maqasid syariah terbentuk daripada dua perkataan iaitu maqasid dan syariah. Maqasid adalah kata jamak kepada perkataan *maqsid* yang memberi makna tempat tuju⁵, maksud atau kehendak⁶. Perkataan ini berasal daripada kata kerja *qasada* dan kata terbitannya ialah *qasd* yang mempunyai pelbagai maksud, antaranya ialah jalan yang lurus, menuju kepada sesuatu, bersederhana, adil⁷, tujuan dan objektif⁸. Secara ringkas dari sudut bahasa, dalam konteks perbincangan ilmu ini, maksud yang paling sesuai dengan perkataan *maqsid* ialah tujuan dan objektif. Apabila ia dihubungkan dengan perkataan syariah, ia membawa maksud tujuan dan objektif syarak.

Dari sudut istilah, pelbagai definisi telah diberikan oleh pelbagai tokoh dalam ilmu ini, antaranya ialah Ibn ‘Ashur yang mendefinisikannya sebagai hikmah-hikmah, *masalih* dan manfaat-manfaat daripada hukum-hukum syarak⁹, al-Raysuni yang mendefinisikannya sebagai tujuan-tujuan yang didatangkan oleh syariah untuk mencapainya bagi kemaslahatan hamba¹⁰, al-Khadimi yang mendefinisikannya sebagai tujuan-tujuan dan tanda-tandanya yang bertujuan untuk memperelok kemanusiaan dan kebahagiaannya pada kehidupan mereka dunia dan akhirat¹¹ dan al-Zuhayli yang mendefinisikannya sebagai tujuan pensyariatian serta rahsia-rahsia yang diletakkan oleh *shari* ‘ (pihak yang mensyariatkan – Allah) pada setiap hukum daripada hukum-hukumnya.¹²

Terdapat pelbagai lagi definisi maqasid syariaiah yang diberikan oleh pelbagai cendekiawan Islam semasa. Walau bagaimanapun, definisi-definisi yang diberikan oleh mereka adalah hampir sama dan berkisar tentang tujuan pensyariatian untuk memelihara *maslahah* dan menolak *mafsadah* sama ada kepada individu mahupun masyarakat. Justeru, secara ringkasnya, maqasid syariah ialah satu ilmu yang membincangkan tentang matlamat atau objektif atau tujuan disyariatkan hukum iaitu memelihara kebaikan dan menolak kemudaratan dalam kehidupan manusia dunia dan akhirat. Sesuatu yang perlu difahami bahawa hukum adalah merangkumi setiap aspek kehidupan manusia dan bukan terhad kepada hukum fiqh dalam bab ibadah khusus sahaja. Oleh itu, berdasarkan keluasan ajaran Islam, peranan maqasid syariah turut mencakupi aktiviti manusia dalam membuat keputusan dalam urusan pengurusan dan pentadbiran. Apatah lagi membuat keputusan adalah sesuatu yang sangat penting kerana keputusan membawa kepada tindakan dan tindakan pula membawa kepada kesan iaitu sama ada baik ataupun buruk.

⁵ Mustafa al-Zayyat, Ahmad Hasan, Abd al-Qadir, Hamid, & al-Najjar, Muhammad ‘Ali, *al-Mu‘jam al-Wasit*, (Istanbul: al Maktabah al-Islamiyyah, t.t.) 738.

⁶ Al-Marbawi, Muhammad Idris Abd al-Rauf, *Kamus Idris al-Marbawi* (Kuala Lumpur: Darul Nu‘man, 1998), 136.

⁷ Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhamad bin Mukkaram, *Lisan al-‘Arab* (Beirut: Dar al-Sadir, t.t.), 12:113, Mustafa et al., *al-Mu‘jam al-Wasit*, 738.

⁸ Al-Ba‘albaki, Ruhi, *al-Mawrid* (Beirut: Dar li al-‘Ilm al-Malayin, 1988), 862.

⁹ Ibn ‘Ashur, Muhammad al-Tahir, *Maqasid al-Shari‘ah al-Islamiyyah* (‘Amman: Dar al-Nafa’is, 2011), 246.

¹⁰ Al-Raysuni, Ahmad, *Nazariyyah al-Maqasid ‘ind al-Imam al-Shatibi* (Maghribi: Maktabah al-Hidayah, 2011), 8.

¹¹ Al-Khadimi, Nur al-Din Mukhtar, *al-Maqasid al-Shar‘iyyah Ta‘rifuha Amthilatuha Hujjiyyatuha* (Riyad: Kunuz Eshbelia, 2003), 29.

¹² Al-Zuhayli, Wahbah, *Nazariyyah al- Darurah al-Shar‘iyyah* (Beirut: Mu‘assasah al-Risalah, 1997), 49.

SEJARAH APLIKASI MAQASID SYARIAH DALAM PENGURUSAN

Ajaran Islam pernah menjadi teras kepada pemerintahan kerajaan yang pernah menguasai pelbagai tempat di dunia dalam tempoh yang lama dan merentasi pelbagai kawasan, etnik, budaya, bahasa dan perubahan masa. Bermula pada zaman Nabi SAW, pemerintahan yang berteraskan ajaran Islam berkembang ke seluruh pelusuk dunia dengan silih berganti nama kerajaan yang menjadi tonggak kepada pemerintahan. Cendekiawan Islam ketika itu membincang, memperhalusi dan membuat penyelidikan dalam semua aspek kehidupan sama ada politik, pengurusan, ekonomi mahupun ibadah khusus bagi menggariskan prinsip-prinsip dan membuat penetapan hukum pada perkara-perkara yang baharu dalam pelbagai aspek kehidupan agar prinsip dan hukum syarak yang ditetapkan bersesuaian dengan *waqi*'. Kepelbagaian yang ada serta perubahan masa menuntut mereka sentiasa menetapkan hukum-hukum dalam perkara-perkara baharu yang muncul seiring dengan perkembangan zaman dan perluasan negara Islam.

Menurut Zaydan, apabila negara Islam mula meluas, timbul kes-kes baharu yang memerlukan ijtihad. Ketika itu belum ada garis panduan standard yang dibangunkan sebagai panduan dalam penetapan hukum. Kepelbagaian kaedah *istinbat* yang ada ketika itu menyebabkan meluasnya perdebatan dan timbulnya keraguan. Dengan itu, timbul keperluan kepada garis panduan dan kaedah yang standard dalam berijtihad¹³. Semenjak itu, bermula penulisan tentang kaedah penetapan hukum Islam untuk menjadi panduan kepada pelbagai pihak yang terlibat. Antara cendekiawan terawal yang telah menulis dalam bidang ini ialah Imam Syafi'i. Menurut beliau:

فكل ما أنزل في كتابه - جل ثناؤه - رحمةً و حجةً¹⁴

Maksudnya: Maka setiap yang diturunkanNya di dalam kitabNya mengandungi rahmat dan hujah.

Menurut beliau lagi:

كل ما نزل بمسلم ففيه حكم لازم ، أو على سبيل الحق فيه دلالة موجودة، و عليه إذا كان فيه بعينه حكم: اتباعه، و إذا لم يكن فيه بعينه طلب الدلالة على سبيل الحق فيه بالإجتهد¹⁵

Maksudnya: Setiap yang berlaku kepada seseorang, Islam ada hukumnya atau atas jalan kebenaran terdapat pendalilan yang menunjukkan kepada hukum. Sekiranya terdapat dalil nas menunjukkan kepada hukum, dalil tersebut diikuti. Jika tiada nas menunjukkan kepada hukum, hendaklah dibuat pendalilan yang betul melalui ijtihad.

Dapat difahami daripada tulisan Imam Syafi'i di atas bahawa Allah SWT telah menurunkan al-Quran yang mengandungi rahmat dan panduan kepada manusia. Rahmat dan panduan tersebut meliputi setiap aktiviti dan tindakan mereka. Di samping al-Quran, terdapat hadis yang menjadi penerangan kepada al-Quran. Berpandukan kedua-duanya, ulama menetapkan (*istinbat*) hukum. Hukum-hukum yang ditetapkan sama ada dengan nas secara jelas ataupun melalui pendalilan yang mengandungi maksud pensyariaan iaitu *maslahah* dunia dan akhirat.. Pandangan Imam Syafi'i telah dikembangkan oleh ulama-ulama awal selepas itu seperti al-Juwayni dan murid beliau al-Ghazali. Al-Juwayni telah mula menyebut tentang pembahagian beberapa tingkat *maslahah* seperti *daruriyyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*. Al-Ghazali pula

¹³ Zaydan, 'Abd al-Karim, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh* (Mu'assasah al-Risalah: Beirut, 2004), 15-16.

¹⁴ Al-Shafi'i, Muhammad bin Idris, *al-Risalah* (Beirut: Maktabah al-'Asriyyah, 2013), 14.

¹⁵ Ibid.,192.

mengembangkan lagi teori yang telah dikemukakan oleh al-Juwayni dengan memperkenalkan tingkat-tingkat keutamaan matlamat hukum iaitu penjagaan agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Ilmu ini seterusnya dikembangkan oleh ulama-ulama dan cendikiawan selepas itu seperti al-Amidi, Fakr al-Din al-Razi, Izzuddin bin Abd al-Salam, al-Qarafi, Ibn Taymiyyah, Ibn Qayyim, al-Shatibi, Ibn 'Ashur¹⁶ sehinggalah kepada cendikiawan semasa seperti al-Qaradawi, al-Raysuni dan lain-lain.

Daripada sorotan sejarah secara ringkas di atas, dapat difahami bahawa maqasid syariah merupakan satu khazanah ilmu dan pemikiran yang telah disusun, diguna dan dikembangkan oleh cendikiawan Islam terdahulu. Ketika itu, dalam suasana yang bebas daripada pengasingan antara urusan dunia dan akhirat (sekularisme), penetapan pelbagai hukum hakam dan keputusan serta pelbagai kaedah pengurusan dan pentadbiran telah dilakukan berpandukan kepada kaedah-kaedah yang bertunjangkan al-Quran dan hadis bermatlamat untuk mendatangkan *maslahah* kepada manusia, kehidupan dan alam, dunia dan akhirat.

KEDUDUKAN *MASLAHAH* DAN PELBAGAI PEMBAHAGIAN DALAM PERBINCANGAN MAQASID SYARIAH

Antara perkataan utama yang menjadi asas dalam perbincangan maqasid syariah ialah *maslahah*. *Maslahah* adalah matlamat daripada pensyariatan hukum syarak. Ia berasal daripada perkataan *salaha* yang bermaksud bermanfaat atau yang munasabah¹⁷. Dari sudut istilah, pelbagai definisi *maslahah* telah diberikan oleh pelbagai ulama. Walaupun pelbagai tetapi semua definisi itu dari sudut maknanya menunjukkan kepada perkara sama iaitu matlamat syariah adalah untuk mendatangkan kebaikan dan menjauhi kemudaratan menurut ukuran syarak. Jadual 1 di bawah menyenaraikan beberapa definisi *maslahah* oleh beberapa ulama.

Jadual 1: Definisi *Maslahah* oleh Pelbagai Ulama

| Ulama | Definisi <i>Maslahah</i> |
|------------|--|
| Al-Ghazali | Menjaga kebaikan yang dikehendaki syarak iaitu dengan menjaga matlamat syarak. Matlamat syarak ada lima iaitu menjaga agama, nyawa, akal, <i>nasal</i> dan harta. Setiap perkara yang membawa kepada penjagaan kelima-lima ini adalah <i>maslahah</i> , ketiadaan perkara itu adalah <i>mafsadah</i> dan menjauhkannya daripada <i>mafsadah</i> adalah <i>maslahah</i> ¹⁸ . |
| Al-Shatibi | Perkara yang membangun dan menyempurnakan kehidupan manusia ¹⁹ . Terdapat dua jenis <i>maslahah</i> iaitu <i>maslahah</i> dunia dan <i>maslahah</i> akhirat ²⁰ . |

¹⁶ Tuan Sidek B. Tuan Muda, "Pemakaian Fiqh al-Shafi'i dalam Isu-isu Makanan halal: Analisis dari Perspektif Maqasid al-Sahariah" (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2019)

¹⁷ Mustafa, Ibrahim et al., *al-Mu'jam al-Wasit*, 520.

¹⁸ Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad, *al-Mustasfa fi 'Ilm al-Usul* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2010), 174.

¹⁹ Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa, *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah* (Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid, 2011), 2: 19.

²⁰ *Ibid.*, 2: 24.

| | |
|------------|--|
| Ibn ‘Ashur | <i>Maslahah</i> ialah sifat bagi sesuatu perbuatan yang menghasilkan kebaikan iaitu manfaat yang berterusan atau secara kebiasaan kepada kumpulan ramai atau kepada individu. Maksud manfaat yang berterusan merujuk kepada <i>maslahah</i> yang jelas dan disepakati manakala secara kebiasaan pula bermaksud yang lebih <i>rajih</i> pada kebanyakan keadaan ²¹ . |
| Al- Buti | Manfaat yang menjadi tujuan <i>al-Shari‘ al-Hakim</i> dalam pensyariatan kepada hambanya untuk penjagaan agama, nyawa, akal, <i>nasal</i> dan harta ²² . |
| Al-Raysuni | <i>Maslahah</i> ialah setiap yang lazat dan sedap sama ada pada fizikal, jiwa, akal mahupun roh. <i>Mafsadah</i> pula ialah suatu yang menyakitkan sama ada pada fizikal, jiwa, akal mahupun roh ²³ . |

Ringkasnya, apa yang dapat difahami tentang *maslahah* ialah kebaikan yang ingin dijaga dan diperoleh daripada pensyariatan hukum. Menjauhi daripada sesuatu yang boleh mendatangkan *mafsadah* (kemudaratan) adalah juga *maslahah*.

Maslahah yang ingin dijaga dan diperoleh mempunyai tingkat-tingkat yang berbeza pula. Tingkat yang paling tinggi ialah *daruriyyah* (keperluan asasi) iaitu perkara yang mesti ada untuk kemaslahatan hidup manusia dunia dan akhirat. Ketiadaannya menyebabkan kerosakan dan kemusnahan sistem kehidupan dunia serta kegagalan dan kerugian pada kehidupan akhirat²⁴. Peringkat berikutnya ialah *hajiyyah* (keperluan) iaitu perkara yang diperlukan untuk memudah dan menghilangkan kepayahan. Tahap kesukaran dan kepayahan pada peringkat ini tidak membawa ke tahap kemusnahan berbeza dengan peringkat *daruriyyah*²⁵. Peringkat seterusnya ialah *maslahah* yang berbentuk *tahsiniyyah* (penyempurnaan) iaitu perkara yang berperanan memperelok keadaan seseorang atau masyarakat serta menyempurnakan kehidupan mereka.

Pada penjagaan *maslahah* peringkat *daruriyyah*, terdapat pula lima penjagaan asasi yang mesti diberi perhatian dalam penetapan pelbagai prinsip dan hukum. Susunannya mengikut mengikut keutamaan bermula dengan penjagaan agama (*hifz al-din*), seterusnya nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-aql*), keturunan (*hifz al-nasal*) dan harta (*hifz al-mal*). Lima penjagaan asasi ini juga dikenali dengan *daruriyyat al-khams*²⁶.

Di samping *maslahah* dan tingkat-tingkatnya, terdapat pelbagai pembahagian lain dalam perbincangan maqasid syariah iaitu antaranya ialah pembahagian dari perspektif umum dan khusus. Dari perspektif ini, ia dibahagikan kepada tiga iaitu *maqasid ammah* (matlamat umum syariah merentasi semua nas dan hukum), *maqasid khassah* (matlamat syariah yang merangkumi bab tertentu sahaja) dan *maqasid juz‘iyyat* (matlamat syariah mengikut kes yang tertentu berdasarkan dalil-dalil tertentu), dari perspektif keutamaan ia terbahagi kepada yang utama (*asliyyah*) dan yang mengikut (*tabi‘ah*) dan dari perspektif kekuatan sebagai hujah terbahagi kepada *qat‘iyyah* (diterima secara putus), *zanniyyah* (diyakini tetapi keyakinan itu tidak sampai ke

²¹ Ibn ‘Ashur, *Maqasid al-Shari‘ah al-Islamiyyah*, 278.

²² Al-Buti, Muhammad Sa‘id Ramadan, *Dawabit al-maslahah fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah* (Damsyik: al-Maktabah al-Umawiyyah, 1966), 23.

²³ Al-Raysuni, *Nazariyyah al-Maqasid ‘ind al-Imam al-Shatibi*, 265-266.

²⁴ Al-Shatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari‘ah*, 2:6.


²⁵ Al-Shatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari‘ah*, 2: 8.

²⁶ Al-Ghazali, *al-Mustasfa fi ‘Ilm al-Usul*, 174

tahap sepenuhnya) dan *wahmiyyah* (sangkaan semata-mata). Di samping itu, dalam penetapan berdasarkan maqasid syariah, terdapat perkara yang menjadi matlamat (maqasid) dan ada yang berbentuk *wasa'il* (jalan). *Wasa'il* mengikut maqasid. Dalam keadaan berlaku petembungan dalam memilih antara maqasid dan *wasa'il*, didahulukan maqasid ke atas *wasa'il*.

Matlamat untuk mencapai *maslahah* dan pelbagai pembahagian dalam ilmu maqasid syariah sebagaimana yang telah disebutkan di atas boleh dijadikan panduan dalam menetapkan keputusan dan menentukan keutamaan dalam pengurusan organisasi Islam sebagaimana Rajah 1 di bawah. Dalam membuat keputusan untuk kebaikan organisasi, pihak yang terlibat dengan pengurusan sepatutnya meletakkan matlamat daripada keputusan yang diambil adalah untuk kebaikan organisasi. Kebaikan itu juga bukan hanya untuk organisasi tersebut atau pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan organisasi tersebut sahaja, bahkan kebaikan itu juga hendaklah turut merangkumi pelbagai pihak lain termasuklah kelestarian alam. Keputusan yang diambil dan pelaksanaan selepas itu mengikut keutamaan iaitu perkara-perkara yang berbentuk *daruri* hendaklah diutamakan berbanding dengan yang lain. *Maslahah* yang berbentuk umum didahulukan daripada *maslahah* yang berbentuk khusus. Matlamat didahulukan daripada *wasa'il* tanpa menafikan peranan dan bentuk *wasa'il* dalam mencapai matlamat. Apa yang penting, pihak yang terlibat dalam membuat keputusan hendaklah berfikir dan memutuskan sesuatu keputusan dalam kerangka untuk mendatangkan kebaikan serta mengikut keutamaan.

Rajah 1: Panduan Membuat Keputusan Berpandukan *Maslahah* dan Pelbagai Pembahagian Maqasid Syariah



KAEDAH PENETAPAN MAQASID SYARIAH

Maqasid Syari'ah adalah matlamat dan objektif syarak. Tujuan dan matlamat pensyariaan ialah untuk mendatangkan *maslahah* dan menolak *mafsadah*. *Maqasid* atau matlamat adalah perkara asas dan utama. Walau bagaimanapun, akal semata-mata tidak dapat mengetahui *maqasid* atau *maslahah* manusia. Jika dibiarkan manusia menetapkan sendiri *maslahah* mereka, dibimbangi mereka tersesat. Dalam penetapan prinsip, hukum, peraturan dan prosedur yang menepati maqasid syariah, ia hendaklah diasaskan kepada kaedah-kaedah yang sebahagian daripada perbincangannya dibincangkan dalam ilmu usul fiqh seperti dalil-dalil hukum dan lain-lain seperti al-Quran, al-Sunnah, ijmak, qiyas, dan lain-lain dalil yang diperselisihkan. Sandaran kepada dalil-dalil dan kaedah-kaedah ini dapat membantu pembuat keputusan untuk sampai kepada penetapan yang bertepatan dengan *maslahah* dengan cara yang betul. Jika pencarian *maslahah* tanpa panduan, dikhuatiri keputusan yang diambil hanya dipengaruhi oleh nafsu dan akal semata-mata. Ia mungkin nampak baik pada pandangan sesetengah pihak tetapi ia bukan *maslahah* yang hakiki.

Oleh itu, dalam membuat sesuatu keputusan dalam pengurusan organisasi Islam, rujukan hendaklah dibuat kepada al-Quran dan sunnah serta pendapat-pendapat ulama sekiranya ia melibatkan hukum hakam dan prinsip yang telah disebut dengan jelas oleh nas atau secara pendalilan. Sekiranya perkara yang perlu diputuskan tidak disebut oleh al-Quran dan hadis secara jelas dan tidak melibatkan hukum hakam dan ia bersifat prosedur dan peraturan, keputusan boleh dibuat berdasarkan pengalaman, penyelidikan dan persetujuan dengan meletakkan matlamat daripada keputusan adalah untuk kebaikan setelah mengambil kira *maslahah* dan *mafsadah* semua pihak yang terbabit termasuklah kepada alam. Sekiranya dalam proses penetapan keputusan tersebut, terdapat pertembungan antara pelbagai *maslahah* atau pelbagai *mafsadah* hendaklah didahulukan perkara yang mengandungi *maslahah* yang lebih besar dan jelas. Sekiranya berlaku pertembungan antara pelbagai *mafsadah* pula, hendaklah dielakkan *mafsadah* yang lebih besar. Jadual 2 di bawah menjelaskan beberapa panduan yang boleh membantu dalam membuat keputusan sekiranya perlu memilih pelbagai *maslahah* atau perlu mendahulukan sama ada mendatangkan *maslahah* atau menolak *mafsadah*.

Jadual 2: Panduan Memilih antara Pelbagai *Maslahah* dan Mendahulukan Antara *Maslahah* dan *Mafsadah*

| Keadaan | Garis Panduan |
|---|--|
| Pertembungan sesama <i>maslahah</i> ²⁷ | <p>i- Dilihat kepada kedudukan tingkat <i>maslahah</i>. <i>Maslahah daruriyyah</i> didahulukan ke atas <i>maslahah hajiyyah</i>, <i>maslahah hajiyyah</i> didahulukan ke atas <i>maslahah tahsiniyyah</i> dan begitulah juga <i>maslahah diniyyah</i> didahulukan ke atas yang selainnya. Itulah proses yang dilakukan dalam memastikan <i>maslahah</i> yang paling kuat dan paling penting didahulukan.</p> <p>ii- Dilihat kepada skop <i>maslahah</i>. <i>Maslahah 'ammah</i> didahulukan ke atas <i>maslahah khassah</i>.</p> <p>iii- Dilihat kepada kemungkinan berlaku. Oleh itu <i>maslahah qat'iyah</i> didahulukan ke atas <i>maslahah</i></p> |

²⁷Al Yubi, *Maqasid al-Shar'iah al-Islamiyyah wa 'Alaqtuha bi al-Adillah al-Shar'iyah*, 380-383.

| | | |
|--|-------------------|--|
| | | <i>zanniyyah</i> . Masalah <i>zanniyyah</i> pula didahulukan antara satu sama lain mengikut kekuatan masalah tersebut. |
| Pertembungan antara <i>masalah</i> dan <i>mafsadah</i> | i- ii- iii- | Menghasilkan <i>masalah</i> dan menjauhkan <i>mafsadah</i> . Lihat kepada yang lebih kuat. Sekiranya <i>masalah</i> yang lebih kuat maka dahulukan <i>masalah</i> dan begitulah sebaliknya. Sekira berlaku persamaan antara <i>masalah</i> dan <i>mafsadah</i> , maka dahulukan mengelak <i>mafsadah</i> daripada mendatang <i>masalah</i> . Sebagaimana kaedah fiqh yang berbunyi <i>dar' al-mafasid aula min jalb al-masalih</i> ²⁸ (mengelakkan kefasadan didahului daripada mendatangkan kebaikan). |

Terdapat juga keadaan yang menuntut pembuat keputusan untuk memilih antara beberapa *mafsadah*. Dalam keadaan seperti ini, seboleh-bolehnya dielak atau dijauhkan kesemua *mafsadah*. Tetapi jika perlu dibuat pilihan, didahulukan menjauhi *mafsadah* yang lebih besar. Jadual 3 di bawah mengandungi beberapa kaedah fiqh yang boleh membantu dalam membuat keputusan sekiranya berhadapan dengan keadaan seperti ini.

Jadual 3: Beberapa Kaedah Fiqh Sebagai Panduan Ketika Berlaku Pertembungan antara *Mafsadah*

| Kaedah Fiqh | Terjemahan /Keterangan |
|---|---|
| تقديم درء المفسدة المجمع علي وجوب درئها على درء المفسدة المختلف في وجوب درئها ²⁹ | Mendahulukan <i>mafsadah</i> yang disepakati ke atas <i>mafsadah</i> yang di perselisihkan |
| إذا تعارضت المفسدتان روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما ³⁰ | Apabila bertentangan antara dua <i>mafsadah</i> , dijauhi <i>mafsadah</i> yang lebih besar dengan mengambil <i>mafsadah</i> yang lebih ringan |
| الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف ³¹ | Kemudaratan yang lebih berat dihapuskan dengan kemudaratan yang lebih ringan |
| يتحمل الضرر الخاص بدفع الضرر العام ³² | Ditanggung kemudaratan khusus bagi mengelakkan kemudaratan umum |

CARA BERFIKIR BERTERASKAN MAQASID SYARIAH DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

²⁸Al-Zarqa, Ahmad bin Muhammad, *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* (Damsyik: Dar al-Qalam, 2011), 205.

²⁹Ibn 'Abd al-Salam, 'Abd al-'Aziz, *al-Qawa'id al-Kubra* (Damsyik: Dar al-Qalam: 2010), 1:130.

³⁰Al-Zarqa, , *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, 201.

³¹*Ibid.*, 199.


³²*Ibid.*, 197.

Maqasid Syariah memberi penekanan kepada natijah akhir atau matlamat sesuatu tindakan tanpa mengabaikan kaedah atau cara yang diambil untuk sampai kepada matlamat. Dengan kata lain, penekanannya ialah penghasilan matlamat yang baik melalui cara kaedah yang baik dan betul. Matlamat daripada pensyariaan ialah untuk mendatangkan kebaikan (*maslahah*) dan menolak kemudaratan (*mafsadah*). Kebaikan dan keburukan diukur dengan panduan wahyu dan akal. Kebaikan yang ingin diperolehi dan dijaga hendaklah bersifat inklusif, holistik dan hakiki. Begitulah juga keburukan yang hendak jauhi

Pelbagai pembahagian maqasid hendaklah dijadikan asas membina cara fikir ketika membuat iaitu sesuatu keputusan yang hendak diputuskan adalah bermatlamatkan untuk kebaikan. Oleh itu, mereka yang terlibat dalam membuat keputusan dalam pengurusan Islam hendaklah meletakkan kemestian dalam membuat keputusan untuk mencapai kebaikan yang hakiki. Pelbagai tingkat *maslahah*, susunan *daruriyyat al-khams*, pelbagai pembahagian maqasid syariah juga dapat membantu pembuat keputusan untuk menetapkan prioriti dan keutamaan dalam memutuskan sesuatu keputusan. Perkara-perkara *daruriyyat* hendaklah didahulukan ke atas perkara yang berbentuk *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Dalam *daruriyyat al-khams* pula, didahulukan penjagaan-penjagaan yang telah disebutkan mengikut susunannya.

Tulisan ini mencadangkan supaya pihak yang terlibat dalam membuat keputusan dalam sesebuah organisasi Islam pada pelbagai peringkat diberikan kefahaman tentang maqasid Syariah dan cara fikir berpandukan kepada pencapaian *maslahah* dan menolak *mafsadah*. Latihan secara berkala perlu dianjurkan untuk memupuk kemahiran kepada kakitangan yang terlibat dalam membuat keputusan dan pelaksanaan keputusan agar memahami maqasid syariah dan kaedah aplikasinya dalam pengurusan organisasi Islam khususnya dalam membuat keputusan dan pelaksanaan keputusan tersebut. Rajah 2 di bawah menjelaskan cara fikir yang perlu dibudayakan dalam minda pihak yang terbabit dalam membuat keputusan pada pelbagai peringkat dalam pengurusna organisasi Islam supaya setiap keputusan yang dibuat telah melalui proses pertimbangan untuk mencapai keputusan yang membawa *maslahah* yang hakiki.

Rajah 2: Cara Berfikir Berteraskan Maqasid Syariah dalam Membuat Keputusan



Penggunaan cara fikir maqasid syariah juga tolak menolak penggunaan pelbagai kaedah membuat keputusan konvensional sedia ada seperti SWOT analysis, Decision Tree Analysis, Fishbone Diagram dan lain-lain. Kaedah-kaedah membuat keputusan tersebut boleh digunakan

secara bersama untuk membantu memudahkan pembuat keputusan menetapkan yang terbaik untuk organisasi Islam. Secara umum, asas penetapan pelbagai bentuk kaedah membuat keputusan yang ada hanya berpandukan kepada akal dan pengalaman semata-mata sedangkan kaedah yang berpusatkan kepada maqasid syariah pula meletakkan kebaikan yang ingin diperolehi berpandukan kepada integrasi antara wahyu, akal dan pengalaman. Oleh itu, tulisan ini juga mencadangkan supaya dibuat kajian lanjut perbandingan antara pelbagai kaedah-kaedah membuat keputusan konvensional dengan kaedah membuat keputusan berteraskan maqasid syariah. Daripada kajian tersebut, kemungkinan boleh dibuat cadangan kaedah membuat keputusan yang lebih berkesan berbentuk integrasi antara pelbagai kaedah dengan maqasid Syariah.

KESIMPULAN

Cara fikir berpandukan kepada maqasid syariah ialah berfikir dalam kerangka menjadikan matlamat mendatangkan kebaikan dan menolak kemudaratan sebagai asas dalam membuat keputusan dan tindakan. Pihak yang terlibat dalam membuat keputusan dalam pelbagai peringkat dalam pengurusan organisasi Islam perlu didedah dan dilatih untuk mempraktikkan minda berfikir dan bertindak bermatlamatkan *masalah*. Penilaian terhadap sesuatu keputusan yang bakal diputuskan dibuat dari sudut kesan jangka pendek dan jangka panjang kepada diri, masyarakat, kehidupan dan alam dalam kerangka matlamat mendatangkan kebaikan dan menolak kemudaratan bagi menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Pembinaan minda sebegini bukanlah suatu yang mudah Walau bagaimanapun, dengan kesungguhan semua pihak khususnya pengurusan peringkat tertinggi dalam sesebuah organisasi Islam, usaha ini kemungkinan akan berjaya. Sekiranya berjaya, pengurusan organisasi Islam akan menjadi lebih efisien dan berkesan kerana keputusan yang dibuat dan tindakan yang dilaksanakan berasaskan kepada asas yang kuat iaitu untuk mendatangkan *masalah*. Suatu yang lebih indah ialah keberkesanan yang terhasil bukanlah terbit daripada ketegasan pemimpin atasan atau penguatkuasaan semata-mata, tetapi ia berlaku secara sukarela hasil daripada kesedaran pelbagai peringkat yang telah terdidik dengan kepentingan *masalah* dalam setiap tindakan mereka.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (Kuala Lumpur: Darulfikir, 2002).

Aidit Ghazali, Ahmad Shahir Sarani & Mohd Afendi Othman (2014), *Membuat Keputusan Kaedah Islam*. Shah Alam, Institut Perkembangan Minda, 2014.

Alies Anor Abdul (2016), *Negara Masalah: Pemikiran al-Ghazali dan Konteks Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Firdaus Press

Al-Ba'albaki, Ruhi, *al-Mawrid* (Beirut: Dar li al-'Ilm al-Malayin, 1988)

Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan, *Dawabit al- masalah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah* (Damsyik: al-Maktabah al-Umawiyyah, 1966).

Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad, *al-Mustasfa fi 'Ilm al-Usul* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2010)

Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir, *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah* ('Amman: Dar al-Nafa'is, 2011)

- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukkaram, *Lisan al-‘Arab* (Beirut: Dar al-Sadir, t.t.), 12:113
- Isma Swadjaja, Tjiptohadi Sawarjuwono & Unti Ludigdo (2019)Model of Islamic Wealth Management Based on Maqasid al-Shariah, *Journal of Innovation in Business and Economics* Vol. 03 No. 02, Page 63-72.
- Al-Khadimi, Nur al-Din Mukhtar, *al-Maqasid al-Shar‘iyyah Ta‘rifuha Amthilatuha Hujjiyyatuha* (Riyad: Kunuz Eshbelia, 2003).
- Al-Marbawi, Muhammad Idris Abd al-Rauf, *Kamus Idris al-Marbawi* (Kuala Lumpur: Darul Nu‘man, 1998)
- Mustafa, Ibrahim, al-Zayyat, Ahmad Hasan, Abd al-Qadir, Hamid, & al-Najjar, Muhammad ‘Ali, *al-Mu‘jam al-Wasit*, (Istanbul: al Maktabah al-Islamiyyah, t.t.).
- Al-Raysuni, Ahmad, *Nazariyyah al-Maqasid ‘ind al-Imam al-Shatibi* (Maghribi: Maktabah al-Hidayah, 2011).
- Al-Shafi‘i, Muhammad bin Idris, *al-Risalah* (Beirut: Maktabah al-‘Asriyyah, 2013).
- Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa, *al Muwafaqat fi Usul al-Shari‘ah* (Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid, 2011).
- Tuan Sidek B. Tuan Muda, Pemakaian Fiqh al-Shafi‘i dalam Isu-isu Makanan halal: Analisis dari Perspektif Maqasid al-Sahariah (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2019)
- Al-Zarqa, Ahmad bin Muhammad, *Sharh al-Qawa‘id al-Fiqhiyyah* (Damsyik: Dar al-Qalam, 2011)
- Zaydan, ‘Abd al-Karim, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh* (Mu‘assasah al-Risalah: Beirut, 2004).
- Al-Zuhayli, Wahbah, *Nazariyyah al-Darurah al-Shar‘iyyah* (Beirut: Mu‘assasah al-Risalah, 1997).